



**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
KALI KE-431 BERHUBUNG PEMBAHARUAN
MMC-CPD GRADING SYSTEM SCORING SCHEDULE**

Selaras dengan Peraturan 28(2)(b) Peraturan-Peraturan Perubatan 2017, salah satu kriteria permohonan bagi sijil Perakuan Amalan Tahunan (PAT) adalah keperluan mata pembangunan professional berterusan (CPD) sebanyak 20 mata. Seperti yang sedia maklum, mata kredit CPD harus dikumpul dalam tempoh kitaran tahun CPD yang telah ditetapkan iaitu bermula 1 Julai sehingga 30 Jun tahun hadapan, sebagai contoh bagi permohonan sijil PAT bagi tahun 2023, mata CPD perlu dikumpul dalam tempoh bermula daripada 1 Julai 2021 sehingga 30 Jun 2022.

Untuk makluman, Jawatankuasa Pengurusan MMC-CPD yang terdiri daripada tiga (3) pentadbir (*administrators*) iaitu MyCPD (Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)), *Malaysian Medical Association* (MMA) dan *Academy of Medicine of Malaysia* (AMM) telah membuat pengemaskinian kepada garis panduan MMC-CPD *Grading System Scoring Schedule* dan garis panduan tersebut telah diperakukan dalam Mesyuarat Perubatan Malaysia (MPM) kali ke-431 bertarikh 20 Jun 2023.

Sehubungan itu, MPM telah bersetuju pelaksanaan garis panduan tersebut berkuatkuasa pada **1 Julai 2023** iaitu permulaan kitaran baharu pengumpulan mata kredit CPD bagi permohonan PAT bagi **tahun 2025**.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
20 Jun 2023